

# UNIKL Ladies idam satu kejuaraan

---

Berita Harian · 15 Mar 2021

---

Kuala Lumpur: UNIKL Ladies mengidam untuk sekurang-kurangnya menjulang satu trofi dalam saingan Liga Hoki Wanita Malaysia (MWHL) musim ini.

Ketua jurulatih UNIKL Ladies, Roslan Jamaluddin, berkata biarpun ini adalah tahun pertama pasukan itu beraksi dalam saingan liga wanita, namun dia percaya dengan kemampuan setiap barisan pemainnya bagi merealisasikan matlamat berkenaan.

Sebagai rekod, skuad bimbingan Roslan kali ini turut diperkuatkan dengan kehadiran tujuh pemain kebangsaan.

“Selain itu kami juga turut diperkuatkan dengan kehadiran bekas pemain kebangsaan dan pemain yang beraksi bersama THT (Pasukan Hoki Terengganu), tahun lalu.

“Kami akan cuba berikan aksi terbaik dalam setiap perlawanan. Saya juga ingatkan pemain untuk sentiasa fokus dan memandang serius setiap perlawanan kerana setiap perlawanan itu akan diambil kira dalam usaha kami untuk muncul juara liga,” katanya.

UNIKL Ladies akan membuka tirai kempen musim ini menentang Mutiara Juniors PSHA, esok.

Roslan turut meramalkan PKS Uniten-kpt, PDRM Blue Warriors dan Young Tigress sebagai pencabar utama dalam misi memburu kejuaraan MWHL musim ini. Turut beraksi dalam saingan MWHL musim ini ini adalah pasukan Sabah.

Hari Ini